

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 21, 2017 2:59 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RUU 355 Kawal Kegiatan Tidak Bermoral



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



21 MAC 2017 / 22 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

RUU 355 KAWAL MAT REMBIT DAN GEJALA SOSIAL LAIN



UUM ONLINE: "Akta Pemuliharaan Hidupan Liar memperuntukkan sesiapa yang memelihara burung liar boleh dikenakan denda sebanyak RM50,000, sedangkan di bawah kesalahan jenayah syariah pula

hanya dikenakan denda sebanyak RM5,000, adakah perbandingan ini munasabah?” soal Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), Prof Dato’ Mahamad Naser Disa pada Majlis Wacana RUU 355: Memperkasakan Mahkamah Syariah di Pusat Islam, baru-baru ini.

Katanya, Pindaan Akta 355 bertujuan meningkatkan hukuman bagi memperkasakan mahkamah syariah dalam memelihara kesucian akidah dan akhlak umat islam yang sekarang ini berhadapan dengan gejala sosial yang semakin kronik.

Menurutnya lagi, usaha itu amat baik kerana ia mampu menangani pelbagai kegiatan tidak bermoral termasuk mat rempit, anak luar nikah, pelacuran dan judi.

Pada 26 Mei 2016, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang membentangkan usul Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (RUU 355) di Dewan Rakyat yang mendapat sokongan ramai termasuk pemimpin kerajaan.

Dato’ Mahamad Naser berkata, orang bukan Islam tidak perlu bimbang kerana mahkamah syariah terhad kepada orang Islam yang mana bidang kuasanya terkandung dalam Senarai 1 seperti wakaf, zakat, akidah serta kesalahan seperti zina, khalwat dan minum arak.

“Bagaimanapun, kesalahan seperti mencuri, merogol, rasuah dan pecah amanah terkandung dalam Kanun Keseksaan (Penal Code) yang tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah sivil.

“Jika RUU dilaksanakan, ia secara tidak langsung dapat mengawal gejala mat rempit melalui bentuk pemulihan misalnya, hadir solat berjemaah di masjid yang boleh dikuatkuasakan di bawah perintah pemulihan, begitu juga dalam soal tidak bayar nafkah, pelacuran dan nombor ekor,” ujarnya.

Tambah beliau, pada 2013 kesalahan kegiatan sosial mencatatkan jumlah kelahiran anak luar nikah yang membimbangkan dan ia belum termasuk yang tidak didaftarkan lagi.

Sementara itu, Felo Kanan, IKSIM, YM Engku Ahmad Fadzil Engku Ali berkata, sejak 1984, Akta 355 hanya menetapkan hukuman maksima penjara tidak melebihi 3 tahun, denda RM5,000 dan 6 sebatan syariah yang dilihat terlalu ringan dan tidak memberi pengajaran kepada pesalah.

Katanya, masyarakat perlu faham apabila sebut undang-undang Syariah bukan hanya melibatkan hukum hudud sahaja kerana undang-undang jenayah syariah ada 3 bahagian iaitu hudud, qisas dan ta’zir iaitu serah pada pemerintah untuk mengenakan hukuman.

Menurutnya, melalui pindaan ini akan meningkatkan hukuman kepada 30 tahun penjara, denda RM100,000 dan 100 kali sebatan.

“Sebatan syariah tidak sama dengan sebatan sivil, sebatan syariah dilakukan dengan beradab contohnya semasa sebatan kalau kepit buku di ketiak, buku pun tidak akan jatuh kerana hukuman ini bertujuan mencegah dan mendidik masyarakat supaya menjauhkan diri daripada perbuatan tidak bermoral tetapi sebatan sivil sangat menyakitkan dan meninggalkan luka,” teranginya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.